



Buku Kerja Kanak-Kanak

Untuk Lingkungan Umur

9-10



Berdasarkan Kepada
Siri Penjelajahan Alkitab Kanak-Kanak
Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

SAMPLE

Buku Kerja

Kanak-Kanak

Untuk Lingkungan Umur 9-10

**Berdasarkan Kepada
Siri Penjelajahan Alkitab
Kanak-Kanak**

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

**Yeoh Poh Lyn
Disunting oleh Debbie Loh**



Hak Cipta



Terjemahan The Children's Bible Explorer Series *Epic of the Apostle Vol.1*
Diterbitkan di Malaysia pada 2015 oleh Pristine World Sdn. Bhd

Hak Cipta © 2015 Pristine World Sdn. Bhd, Malaysia
Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman, imbasan, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Ayat-ayat Alkitab dipetik daripada ALKITAB BERITA BAIK. Hak cipta ©
2001,
The Bible Society of Malaysia.

Isi Kandungan

Pelajaran 1	Kelahiran Gereja Perjanjian Baru di Yerusalem	4
Pelajaran 2	Petrus dan Yohanes	6
Pelajaran 3	Kehidupan Gereja Awal Yerusalem - Ananias dan Safira	8
Pelajaran 4	Kehidupan Gereja Awal Yerusalem- Pembebasan Ajaib Dari Penjara	10
Pelajaran 5	Stefanus - Penindasan dan Penyebaran Gereja Yerusalem	12
Pelajaran 6	Injil Disebarkan ke Samaria	14
Pelajaran 7	Saulus si Penyeksa Berjumpa Yesus - Dalam Perjalanan ke Damsyik	16
Pelajaran 8	Saulus Berjumpa Dengan Rasul-Rasul	18
Pelajaran 9	Keajaiban dan Penglihatan Petrus	20
Pelajaran 10	'Sudah Rasmi: Injil Untuk Semua Orang - Termasuklah Bukan Yahudi'	22
Pelajaran 11	Barnabas si Pendorong dan Gereja Antiokhia	24
Pelajaran 12	Penindasan di Yerusalem dan Cubaan Petrus Melarikan Diri	26
Pelajaran 13	Epilog kepada Kisah Rasul-Rasul Jilid 1	28
Nota		30

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 1 : Kelahiran Gereja Perjanjian Baru di Yerusalem

Tema:

Roh Allah hidup di dalam kita. Dia juga memberikan keberanian untuk kita memberitahu orang lain tentang Yesus.

Tujuan Pembelajaran:

Belajar mempercayai Roh Allah yang hidup di dalam anda untuk memberikan keberanian menceritakan tentang Yesus kepada orang lain.

Petikan Alkitab:

Kisah Rasul-Rasul 1:1-11, 26, 2:1-47

Ayah Hafalan:

Tetapi kamu akan menerima kuasa, apabila Roh Allah datang kepada kamu. Lalu kamu akan menjadi saksi-saksi-Ku di Yerusalem, di seluruh Yudea, dan Samaria, serta sampai ke hujung bumi. Kisah Rasul-Rasul 1:8



Pengajaran Cerita ini:

Roh Allah membantu umat Kristian terawal untuk menyebarkan berita tentang Yesus. Ramai orang mempercayai Yesus dan memulakan gereja yang pertama.

Persediaan: Berapa banyak tempat yang boleh anda pergi dalam satu masa? Jika anda harus menghantar pesanan kepada orang di seluruh dunia, bagaimana anda akan melakukannya? Bagaimana jika anda tidak mempunyai e-mel, telefon bimbit atau kiriman pos seperti yang ada hari ini? Bagaimanakah umat Kristian dahulu menyebarkan berita tentang Yesus jika mereka tidak mempunyai komunikasi moden?

Aktiviti 1:

1. Pelbagai pilihan - Bilakah kali pertama Roh Allah datang kepada umat Allah?
 - a. Sebelum Yesus dilahirkan
 - b. Sebelum Yesus mati dan bangkit semula
 - c. Selepas Yesus bangkit semula dan naik ke syurga
2. Isi tempat kosong dengan pilihan huruf bercampur yang ada di kotak jawapan muka surat sebelah:
 - a. Bunyi kuat seperti tiupan _____ memenuhi bilik itu. Lidah _____ muncul di atas orang yang berkumpul di situ.

- b. Anda akan menerima _____ apabila Roh Allah datang ke atas anda.
- c. Umat Allah tiba-tiba boleh bercakap dengan _____ yang berlainan apabila Roh Allah datang ke atas mereka.
- d. Roh Allah membantu kita untuk _____ tentang Yesus kepada kawan-kawan.
- e. Banyak petanda dan _____ dilakukan dan ramai orang _____.

pia ukxaa gnani abaahs kisealadatnm abrsekis ieajakbna

- 3. Pilih satu kenyataan dari Soalan 2 di atas kemudian lukis satu gambar untuk menunjukkan keadaannya mengikut imaginasi anda.

- 4. Betul atau Salah
 - a. Umat Allah boleh bercakap dengan bahasa yang lain kerana mereka mabuk.
 - b. Kedatangan Roh Allah menepati nubuat yang dibuat oleh nabi Yoel di Perjanjian Lama.

Respons - Kongsi dengan seorang rakan di kelas:

1. Adakah anda orang yang berani atau pemalu?
2. Apakah perkara paling berani yang pernah anda lakukan meskipun ketakutan? (Cth., roller-coaster, menyanyi di pentas, mengaku kerana memecahkan sesuatu.)
3. Adakah berani untuk memberitahu kawan-kawan dan juga keluarga tentang Yesus? Tulis pembukaan ayat atau soalan yang anda akan guna untuk memberitahu seseorang tentang Yesus.
4. Fikirkan seorang kawan atau ahli keluarga yang anda boleh beritahu tentang Yesus minggu ini. Tulis namanya di sini dan berdoalah agar mereka bersedia mendengar tentang-Nya.

Nama: _____

Doa:

Ya Tuhan, terima kasih kerana menghantar Roh Allah yang akan memberikan saya kuasa dan keberanian untuk melakukan perkara yang tepat serta memberitahu orang lain tentang Engkau. Saya tidak lagi harus takut. Dalam nama Yesus, Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 2: Petrus dan Yohanes

Tema:

Memberitahu orang lain tentang Yesus dan hal yang telah Dia lakukan untuk kita ialah hadiah terbaik yang boleh kita berikan kepada orang lain.

Tujuan Pembelajaran:

Memikirkan cara dan testimoni yang boleh ditunjukkan kepada orang lain sebagai bukti Yesus ada dalam kehidupan anda.

Petikan Alkitab:

Kisah Rasul-Rasul 3:1-25, 4:1-31

Ayah Hafalan:

Tetapi Petrus berkata kepadanya, "Aku sama sekali tidak mempunyai wang, tetapi apa yang ada pada ku akan aku berikan kepada mu: dengan kuasa Yesus Kristus orang Nasaret itu, berjalanlah!"



Pengajaran Cerita ini:

Petrus menyembuhkan lelaki lumpuh dengan satu keajaiban. Petrus dan Yohanes menunjukkan iman dalam Yesus ialah punca keajaiban sedemikian. Keajaiban bertujuan untuk menunjukkan orang lain siapa Yesus yang sebenarnya.

Persediaan: Apa yang anda akan buat jika rasa kesakitan atau menghidap penyakit? Apa perasaan anda jika tidak boleh berjalan dan tiada sesiapa yang mampu menyembuhkan anda?

Aktiviti 1:

1. Susun huruf berikut daripada kata kunci pelajaran hari ini:
 - a. UHPLMU (klu: orang cacat) - _ _ _ _ _
 - b. ANJAL (klu: bertentangan dengan berlari) - _ _ _ _ _
 - c. HESBUM (klu: pulih dari penyakit) - _ _ _ _ _
2. Apakah yang lelaki lumpuh itu lakukan setelah sembuh? Terdapat lebih daripada satu jawapan.
 - a. Pulang ke rumah.
 - b. Melompat
 - c. Menangis
 - d. Memuji Tuhan
 - e. Berjalan

3. Lukis 3 gambar yang menunjukkan lelaki lumpuh itu sebelum, sewaktu dan selepas disembuhkan.



4. Lakonkannya! Bagaimanakah Petrus dan Yohanes berjaya menyembuhkan lelaki lumpuh itu? Masuk ke dalam kumpulan tiga orang dan lakonkan babak ini untuk dinikmati oleh seluruh kelas. Selepas itu undi siapakah pelakon yang paling baik!
5. Apakah yang Petrus dan Yohanes selepas lelaki lumpuh itu disembuhkan?
- a. Mereka berehat
 - b. Mereka mengkhutbahkan Injil
 - c. Mereka membuka klinik
 - d. Mereka mengajar orang ramai tentang Yesus

Respons

1. Jika anda diberikan kuasa untuk menyembuhkan, bagaimanakah anda akan menggunakannya?
- _____
2. Adakah anda berfikir Petrus menyembuhkan lelaki lumpuh itu untuk membuat dirinya terkenal? Jika tidak, mengapa?
- _____

Peringatan

Petrus menyembuhkan lelaki lumpuh itu dengan kuasa Roh Allah. Dia melakukannya untuk menunjukkan siapa Yesus yang sebenarnya.

Aksi

Warnakan salah satu perkara di bawah yang boleh dilakukan pada minggu ini untuk menunjukkan Yesus ada di dalam kehidupan anda.

Membantu melakukan kerja di rumah.

Membantu guru membersihkan papan tulis, membawa buku dan sebagainya.

Berkawan dengan orang di dalam kelas yang tidak disukai oleh sesiapa pun.

Doa:

Ya Tuhan, bantulah saya menjadi berani memberitahu rakan-rakan tentang Engkau serta menjalani kehidupan yang akan mencerminkan Engkau di dalam hidup saya. Dalam nama Yesus, Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 3: Kehidupan Gereja Awal Yerusalem - Ananias dan Safira

Tema:

Sewaktu menipu, kita turut menipu kepada Roh Allah dan bukan hanya orang yang ditipu.

Tujuan Pembelajaran:

Untuk mempelajari bahawa membohong menyakitkan Tuhan.

Petikan Alkitab:

Kisah Rasul-Rasul 5:1-11

Ayah Hafalan:

Janganlah saling mendustai, kerana kamu sudah membuang hidup yang lama dengan semua sifatnya. Kolose 3:9




Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Kematian Ananias dan isterinya ialah amaran dan pengajaran bahawa kita tidak boleh menipu Tuhan. Tuhan tidak suka dengan kemunafikan ataupun pembohongan di gereja dan juga mana-mana tempat lain.

Aktiviti 1: Susun cerita di garisan masa berikut menurut susuan kejadian di dalam Kisah Rasul-Rasul 5 dengan mengisi ruang menggunakan huruf yang betul daripada senarai peristiwa di bawah.



Garisan Masa Kisah

Peristiwa:

- D. Ananias membawa sebahagian wang yang diterimanya dari hasil jualan tanah untuk diberikan kepada gereja.
- A. Ananias berpura-pura mengatakan wang itu ialah jumlah penuh yang diterimanya dari penjualan.
- F. Ananias tersungkur mati.
- G. Petrus menyoal Safira jika jumlah wang yang Ananias berikan kepada gereja ialah jumlah sebenar hasil penjualan tanah.

- H. Tiga jam kemudian, Safira datang berjumpa dengan para rasul.
- C. Petrus menegur Ananias tentang ketidakjujurannya.
- I. Safira membohong dan berkata “ya.”
- K. Ananias dan isterinya menjual sebidang tanah.
- J. Petrus berkata Safira cuba menguji Roh Allah dengan menipu.
- B. Ananias dan Safira menerima wang dari penjualan tanah.
- E. Safira pun tersungkur mati.

Aktiviti 2:

Tandakan di dalam petak kenyataan yang anda setuju dan pangkah untuk yang tidak.

1. Kita boleh membohong asalkan orang lain tidak mengetahui kebenarannya []
2. Allah mengetahui semuanya []
3. Allah hanya mengetahui perkara yang saya doakan []
4. Yesus berkata “Berbahagialah orang yang murni hati, mereka akan mengenal Allah.” []
5. Apabila kita membohong, ia akan menyakitkan Roh Allah []
6. Manusia melihat kepada rupa luaran tetapi Allah melihat hati []
7. Memilih kebenaran akan menjamin perlindungan Allah ke atas kehidupan kita. Amsal 10:9 berkata “Orang jujur akan hidup aman, tetapi orang yang menipu akhirnya akan ketahuan.” []

Respons:

Pelajari istilah baru! Susun huruf di bawah untuk mengetahuinya kemudian tulis di atas garisan. Selepas itu, bincangkan maksudnya dengan guru.

R T T E G I I I N

Perbincangan Kumpulan

Menurut pendapat anda, adakah Ananias dan Safira harus mati? Apakah hukuman lain yang boleh dijatuhkan ke atas mereka? Jika mereka tidak mati, adakah anda berfikir umat yang lain akan takut menipu?

Penerapan

Bertekadlah untuk tidak membohong, meskipun demi kebaikan. Jika anda rasa tidak cukup kuat untuk menghalang diri, mintalah kekuatan daripada Allah. Dia akan bantu anda menanganinya.

Doa:

Ya Tuhan, saya sedar apabila berdosa, saya bukan saja menyakiti orang lain tapi Engkau juga. Bantulah saya menjadi kudus dan jujur di dalam kehidupan. Dalam nama Yesus, Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 4: Kehidupan Gereja Awal Yerusalem- Pembebasan Ajaib Dari Penjara

Tema:

Lebih baik untuk takut kepada Allah daripada manusia kerana Allah melindungi kita.

Tujuan Pembelajaran:

Memilih untuk taat dan gentar kepada Allah meskipun apabila dianiaya oleh orang lain.

Petikan Alkitab:

Kisah Rasul-Rasul 5:17-42

Ayah Hafalan:

Petrus dan rasul-rasul yang lain menjawab, "Kami harus taat kepada Allah dan bukan kepada manusia." Kisah Rasul-Rasul 5:29



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Para rasul tidak berhenti bercakap tentang Yesus meskipun diancam dan dimasukkan ke dalam penjara. Mereka bertekad untuk mematuhi Allah dan bukan manusia.

Aktiviti 1: Apakah kejadian utama yang berlaku dalam kisah ini? Golongkan kenyataan berikut sebagai "semula jadi" atau "luar biasa". "Semula jadi" bermaksud perkara yang boleh dilakukan oleh manusia. "Luar biasa" bermaksud keajaiban yang berlaku dalam kisah ini.

1. Para rasul dimasukkan ke dalam penjara. _____
2. Malaikat Allah datang pada waktu malam dan membebaskan mereka dari penjara.

3. Malaikat menyeru mereka untuk teruskan berkhotbah keesokan harinya. _____
4. Pagi berikutnya, penjara masih dikunci dan pengawal berdiri di pintu, tetapi tiada sesiapa berada di dalam. _____
5. Para rasul berkhotbah di Rumah Tuhan subuh keesokan harinya. _____

Siapa yang harus kita patuhi?

Adakah anda menggolongkan nombor 5 sebagai “semula jadi”? Bagus! Para rasul memilih untuk terus berkhotbah keesokan harinya. Mereka tidak takut dimasukkan ke penjara kembali. Ini bermaksud mereka harus (susun huruf di bawah):

mttnaeai lhAal ebhli radidapa asmuani

Aktiviti 2: Menyusun semula cerita

Tulis urutan yang betul di petak di bawah.

- [] Petrus dan Yohanes ditangkap kali kedua sewaktu berkhotbah.
- [] Seorang Farisi bernama Gamaliel mempertahankan mereka.
- [] Pegawai tidak menjumpai para rasul di dalam penjara.
- [] Para rasul ditangkap.
- [] Para rasul dipukul sebelum dibebaskan.
- [] Pada waktu malam, seorang malaikat datang menyelamatkan mereka.

Respons: Bincangkan dengan guru anda

Apakah maksud “takut kepada Allah” dalam cerita ini?

Adakah jenis perasaan takut yang lain?

Penerapan: Berdepan dengan tekanan rakan-rakan

Cari seorang pasangan dalam kelas Sekolah Minggu anda. Bincangkan satu perkara yang telah anda lakukan kerana dipaksa oleh rakan-rakan dan cara berdepan dengannya.

Peringatan: Lebih baik untuk takut dan mematuhi Allah apabila orang di sekeliling meminta kita melakukan kesilapan. Petrus mematuhi Allah dan dibebaskan daripada penjara!

Doa:

Ya Tuhan, saya sedar apabila berdosa, saya bukan saja menyakiti orang lain tapi Engkau juga. Bantulah saya menjadi kudus dan jujur di dalam kehidupan. Dalam nama Yesus, Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 5: Stefanus - Penindasan dan Penyebaran Gereja Yerusalem

Tema:

Kita harus memaafkan orang yang jahat kepada kita.

Tujuan Pembelajaran:

Untuk mengikuti teladan Yesus dan memaafkan orang yang pernah melayan anda dengan jahat.

Petikan Alkitab:

Kisah Rasul-Rasul 6:1-8-3

Ayah Hafalan:

Jika kamu mengampuni orang yang bersalah terhadap kamu, Bapa kamu yang di surga pun akan mengampunkan kesalahan kamu. Matius 6:14



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Stefanus ialah pengikut Yesus yang pertama untuk mati demi imannya. Dia mengikuti teladan Tuhan Yesus dengan berdoa untuk pengampunan bagi orang yang merejamnya sehingga mati.

Aktiviti 1: Stefanus ialah orang jenis apa? Senaraikan beberapa sifat-sifatnya.

Aktiviti 2:

Lengkapkan biodata Stefanus dengan mengisi ruang kosong berikut. Baca kisah Stefanus di dalam petikan Alkitab hari ini untuk mengetahui tentang dirinya. Lukis wajahnya di ruang gambar berikut menurut bayangan anda.

Nama:

Pekerjaan:

Sifat-sifat:

Kemahiran:

Cinta pertama:

Terkenal untuk:

Ungkapan terkenal:



Fikirkan tentangnya

1. Menurut Perjanjian Baru, Stefanus ialah orang pertama yang mati kerana mempercayai Yesus. Stefanus memaafkan orang yang menganiayainya. Menurut pendapat anda, bagaimanakah Stefanus mampu melakukannya?

R ____ A ____ ____ membantu dia ____ e ____ y ____ ____ g ____
orang yang membencinya.

2. Teladan siapakah yang Stefanus ikuti? (Baca Lukas 23:34) Y ____
3. Bolehkah anda ingati nama orang yang berpegang dengan kepercayaan kepada Yesus Kristus dan dianiaya ataupun mati kerananya?

Respons dan Penerapan

Cari seorang kawan dan ceritakan tentang orang yang pernah menyakiti anda (cth., didenda dengan tidak adil oleh guru sekolah, sikap pilih kasih ibu bapa, pembuli di sekolah).

Bincangkan dengan pasangan tentang sikap yang Yesus mahu anda miliki terhadap orang itu kemudian doakan mereka. Selepas itu, dengar pula cerita pasangan anda!

Doa:

Ya Tuhan, bantu saya belajar memaafkan orang lain walaupun mereka menyakiti saya dengan teruk. Bantu saya mengingati teladan Engkau dan Stefanus. Dalam nama Yesus, Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 6: Injil Disebarkan ke Samaria

Tema:

Allah boleh gunakan situasi sukar untuk menyedarkan kita tentang perkara yang Dia mahu dilakukan.

Tujuan Pembelajaran:

Memeriksa kehidupan kita jika ia menyenangkan Allah.

Petikan Alkitab:

Kisah Rasul-Rasul 8:4-40

Ayah Hafalan:

Selidikilah aku, ya Allah, dan selamilah hati ku; ujilah aku dan ketahuilah fikiran ku. Periksalah hati ku sama ada terdapat kejahatan dalam diri ku, dan pimpinlah aku ke jalan yang abadi. Mazmur 139:23-24



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Penganiayaan ke atas gereja oleh para pemimpin Yahudi menyebabkan umat Allah untuk keluar dari Yerusalem dan menyebarkan Injil di luar Yudea dan Samaria.

Aktiviti 1:

- Siapakah watak utama dalam cerita ini?
 - Murid Kristus = F _____ s
 - Pencari yang tulus
= S _____ - s _____ d _____
E _____ a
 - Ahli sihir = S _____ n
 - Ahli Allah Tritunggal = R _____ a _____ h
- Tandakan lokasi watak utama cerita di atas peta seperti berikut:

Gunakan ★ untuk Filipus, a
untuk Sida-sida Etiopia dan
◆ untuk Simon.



3. Di atas peta, tulis 'F' di sebelah kota tempat Roh Allah membawa Filipus selepas membaptis sida-sida Etiopia itu. Kemudian lukis garisan menunjukkan lokasi Filipus selepas mengkhutbahkan Berita Baik di setiap bandar di sepanjang jalan. Tandakan 'F' kedua di tempat persinggahan Filipus.
4. Roh Allah membantu Filipus. Tandakan (/) di sebelah hal yang hanya boleh Filipus lakukan dengan kuasa Roh Allah.
 - a. Mengejar kereta kuda sida-sida Etiopia dan berlari di sampingnya. ____
 - b. Melakukan keajaiban di Samaria ____
 - c. Meninggalkan Yerusalem untuk mengelakkan penganiayaan. ____
 - d. Tiba-tiba lesap daripada sida-sida itu dan muncul di tempat lain. ____

Respons: Situasi Sukar

Tulis perkara yang mungkin Allah mahu anda lakukan dalam situasi berikut. Kawan mahu anda kongsi jawapan kepadanya sewaktu peperiksaan.

Anda terjumpa wang yang tercicir di gereja dan mahu menggunakannya untuk membeli alat mainan.

Salah seorang rakan kelas gemar mengejek anda dan tak mahu berhenti meskipun anda melarangnya.

Mana satu dari ketiga situasi di atas yang anda dapati mudah untuk mentaati Allah?
Mana satu yang paling sukar untuk mentaati Allah?

Doa:

Ya Tuhan, terima kasih kerana Engkau mencipta hal baik daripada situasi jahat. Bantu saya mengingati Roh Allah akan sentiasa menolong saya mematuhi Engkau dalam situasi yang sukar. Dalam nama Yesus, Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 7: Saulus si Penyeksa Berjumpa Yesus - Dalam Perjalanan ke Damsyik

Tema:

Hidup kita akan berubah apabila mengenali Yesus sebagai Tuhan dan Penyelamat.

Tujuan Pembelajaran:

Berusaha menjadi setia kepada Yesus dan membenarkan-Nya mengubah hidup kita.

Petikan Alkitab:

Kisah Rasul-Rasul 9:1-22

Ayah Hafalan:

Apabila seseorang bersatu dengan Kristus, orang itu menjadi manusia baru. Yang lama sudah lenyap dan yang baru bermula. 2 Korintus 5:17



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Selepas bertemu dengan Tuhan yang telah bangkit, Saulus berubah daripada seorang yang membenci gereja kepada menyayangi Yesus Kristus dan berkhotbah tentang-Nya.

Aktiviti 1: Isi tempat kosong tentang Saulus dan cari perkataan yang tepat

dalam teka-teki di bawah


Saulus datang dari T_____s.

Saulus ialah orang F_____i sebelum bertemu dengan Yesus. Dia amat t_____, mematuhi semua h____m Perjanjian Lama dan menganiaya orang K____t____. Saulus percaya dia melakukan perkara yang tepat dengan menangkap pengikut Y_____ dan memasukkan mereka ke p_____a. Saulus bertemu dengan Yesus dalam perjalanan ke D_____k. Nama Saulus ditukar menjadi P_____s.

S	H	P	E	N	J	A	R	A	B	N	Y
G	T	G	F	C	Z	C	H	U	O	F	O
D	Q	A	A	E	H	A	E	Q	K	A	Q
A	D	Q	R	O	U	E	I	W	R	R	I
M	X	S	I	S	K	I	S	T	I	A	N
S	P	J	S	A	U	O	U	R	S	M	A
Y	L	K	I	U	M	S	L	U	T	A	Z
I	U	P	E	O	U	U	O	I	I	A	
K	T	E	R	P	E	L	A	J	A	R	U
H	G	U	I	P	I	P	F	N	Y	O	
I	K	O	Y	E	S	U	S	A	S	U	P
L	P	T	Y	W	O	L	P	B	U	O	R


Aktiviti 1:

Warnakan gambar tentang pertemuan Saulus dengan Yesus dan isi perkataan di petak berikut.



Aktiviti 2: Berubah

Lukis wajah Saulus sebelum dan selepas perubahannya.



Saulus si penganiaya

Paulus si pengkhotbah

Penerapan: Kongsi dengan seorang kawan

Apa perkara tentang anda yang ingin anda ubah? Bincangkan dengan rakan di kelas tentangnya. Ambil giliran untuk mendengar satu dan yang lain.

Doa:

Ya Tuhan, saya mengaku telah berdosa kepada Engkau dengan _____ (tulis tabiat buruk anda di sini, cth., menipu, terlalu meluangkan masa dengan Facebook, dll). Terima kasih Tuhan kerana memaafkan dosa saya. Bantu saya bertaubat sepenuhnya dan memilih untuk taat serta mengikuti ajaran Engkau. Dalam nama Yesus, Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 8: Saulus Berjumpa Dengan Rasul-Rasul

Tema:

Kadang-kadang mematuhi Allah ialah sunyi dan sukar, oleh itu kita harus mendorong sesama sendiri kerana semua orang Kristian ialah tubuh Kristus.

Tujuan Pembelajaran:

Belajar mendorong orang lain.

Petikan Alkitab:

Kisah Rasul-Rasul 9:23-31

Ayah Hafalan:

Hendaklah kita perhatikan satu sama lain, supaya kita dapat saling memberikan dorongan untuk mengasihi satu sama lain dan untuk melakukan hal yang baik.
Ibrani 10:24



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Barnabas mengajar kita tentang dorongan. Apabila dia melihat Paulus benar-benar berubah, dia meyakinkan para rasul untuk menerima Paulus.

Aktiviti 1: Buat pencarian di kamus yang diberikan

(Guru akan membawa kamus bersaiz poket ke kelas.)

Apa maksud dorongan?

Apa yang berlawanan dengan dorongan?

Aktiviti 2: Apa yang Barnabas lakukan? Padankan setiap ungkapan berikut.

- | | | | |
|-------------------------------------|--------------------------|--------------------------|-------------------------------------|
| a. Dia membawa Saulus | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | Berkhutbah tanpa gentar. |
| b. Dia memberitahu mereka bagaimana | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | Kepada para rasul |
| c. Dia memberitahu mereka bahawa | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | Saulus telah melihat Tuhan |
| d. Dia memberitahu Saulus yang | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | Tuhan telah berfirman kepada Saulus |

Aktiviti 3: Melarikan diri!

Rakan-rakan baru Paulus membantunya melarikan diri dengan menurulkannya dari dinding kota menggunakan bakul. Buat bakul anda sendiri untuk Paulus dan lakonkan babak dengan bakul dan patung kecil.



Bahan-bahan yang diperlukan: Bekas telur/cawan plastik, tali pintal/rafa, pensel, pen warna atau penanda untuk mewarnakan bakul, gunting, patung kecil cth., patung lego atau patung dawai.

Langkah-langkah mencipta: Tebuk lubang di tepi bekas telur atau cawan untuk mengikat tali. Letakkan patung di dalam. Pusingkan hujung tali yang panjang di atas pensel untuk mencipta sistem takal. Sekarang turunkan Paulus di dalam bakul!

Penerapan:

Berikan lebih banyak contoh tentang dorongan yang boleh anda lakukan atau katakan kepada keluarga dan kawan-kawan.

	Keluarga	Rakan-rakan/orang lain
Ucapan	Ibu, makan malam amat sedap - terima kasih kerana memasak. Ibu, terima kasih kerana menghantar saya ke kelas bimbingan. Terima kasih kerana meluangkan masa dengan saya, ayah.	Terima kasih kerana.... Saya...
Kelakuan		

Bulatkan salah satu tindakan di atas dan bertekadlah untuk melakukannya minggu ini. Ceritakan apa yang terjadi dan juga jawapan mereka kepada anda pada minggu depan.

Doa:

Ya Tuhan, sekarang saya tahu saya tidak boleh berbuat banyak hal tanpa Roh Allah. Terima Kasih kerana Roh Allah hidup di dalam saya. Bantu saya bergantung dengan Roh Allah dan tidak angkuh berfikir boleh melakukan semuanya sendiri. Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 9: Keajaiban dan Penglihatan Petrus

Tema:

Allah boleh melakukan perkara menakjubkan melalui kita bukan kerana kebaikan kita, tapi kerana Roh Allah yang hidup di dalam kita.

Tujuan Pembelajaran:

Kanak-kanak akan bergantung kepada Roh Allah dalam semua yang mereka lakukan untuk Allah.

Petikan Alkitab:

Kisah Rasul-Rasul 9:32-10;48

Ayah Hafalan:

“Engkau akan berjaya bukan dengan kekuatan tentera ataupun kekuatan mu sendiri, melainkan dengan Roh-Ku. Zakharia 4:6b



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Roh Allah membolehkan Petrus melakukan keajaiban. Roh Allah juga menunjukkan Petrus yang Injil Yesus Kristus ialah untuk semua orang Yahudi dan juga bukan.

Aktiviti 1: Petrus menjelajah untuk berkhotbah tentang Yesus dan melayani orang lain. Petikan tersebut menunjukkan beberapa orang yang telah berinteraksi dengan Petrus. Lukiskan garisan daripada nama watak dalam petak berikut dengan ciri-ciri mereka.

Petrus	<input type="checkbox"/>
Tabita	<input type="checkbox"/>
Eneas	<input type="checkbox"/>
Kornelius	<input type="checkbox"/>

- Tinggal di Kaisarea
- Namanya bermaksud "Batu".
- Disembuhkan daripada kelumpuhan.
- Juga dikenali sebagai Dorkas
- Dia pandai menjahit baju.
- Mendapat penglihatan satu kain dipenuhi haiwan.
- Seluruh keluarga menerima Roh Allah.
- Terlantar di katil selama 8 tahun.
- Ahli ketenteraan Roma.
- Sering melakukan kebaikan.
- Tinggal di Lida.
- Tinggal di Yope
- Orang yang takut kepada Tuhan
- Salah seorang dari 12 orang murid Yesus
- Seorang yang berbangsa Roma dan juga bukan Yahudi
- Dibangkitkan daripada kematian

Aktiviti 2: Permainan - Dengar kepada pemimpin!

Dalam Yohanes 14:26, Yesus memberitahu kita yang apabila Dia pergi, Dia akan memberikan Roh Allah sebagai penasihat dan pemimpin kita.

Peralatan: Penutup mata, 5 benda untuk dibaling (pen, guli dll,) setiap kumpulan, sebuah bekas sebagai tempat membuang (cth., bakul, cawan, baldi). *Nota: Ia haruslah tidak mudah untuk diselesaikan.* Peraturan permainan: Berpecah kepada kumpulan dengan bilangan yang sama. Dalam setiap kumpulan, setiap ahli berganti-ganti menjadi pemimpin. Pemain yang lain harus berlakon menjadi kurang upaya, seperti Eneas, mengikut cara-cara berikut:

Buta - mata ditutup

Gunakan tangan yang lemah sahaja (cth, orang yang menggunakan tangan kanan harus menggunakan tangan kiri sahaja)

Terlantar sakit atau tempang (duduk atau baring)

Ambil giliran untuk melemparkan objek ke dalam bekas. Pemimpin membantu mereka dengan apa saja cara yang diinginkan, cth., melalui arahan lisan, memimpin tangan, mendemonstrasikan dll.

Penerapan - Bincangkan dengan kawan ataupun kepada seluruh kelas

1. Apa perasaan anda apabila tiba giliran untuk melempar?
2. Apa perasaan anda apabila pemimpin memimpin anda?
3. Apa perasaan anda sewaktu menjadi pemimpin?
4. Menurut cerita itu, siapa yang membantu Petrus untuk membuat Eneas berjalan dan Tabita hidup semula?
5. Ingat, dalam kehidupan, apabila berhadapan dengan situasi yang terlalu sukar atau mencabar, kita boleh minta bantuan daripada Roh kudus.

Doa:

Ya Tuhan, sekarang saya tahu saya tidak boleh berbuat banyak hal tanpa Roh Allah. Terima Kasih kerana Roh Allah hidup di dalam saya. Bantu saya bergantung dengan Roh Allah dan tidak angkuh berfikir boleh melakukan semuanya sendiri. Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 10: 'Sudah Rasmi: Injil Untuk Semua Orang - Termasuklah Bukan Yahudi'

Tema:

Allah mahu semua orang mendengar dan menerima pemberian keselamatan-Nya.

Tujuan Pembelajaran:

Untuk berterima kasih kepada Allah kerana pemberian keselamatan yang diberikan kepada semua orang.

Petikan Alkitab:

Kisah Rasul-Rasul 11:1-18
(Ulang kaji Kisah Rasul-Rasul 10:1-48)

Ayah Hafalan:

Aku yakin dengan sepenuhnya bahawa Berita Baik itu kuasa Allah yang menyelamatkan semua orang yang percaya kepada Yesus, mula-mula orang Yahudi, dan juga orang bukan Yahudi. Roma 1:16



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Petrus menyedari Allah mahukan gereja mengkhutbahkan Injil bukan hanya kepada orang Yahudi, tapi juga kepada orang bukan Yahudi.

Persediaan: Charades!/ Potong!

Ini ialah ulang kaji semula Kisah Rasul-Rasul 10:1-48 yang menarik. Guru menyediakan 5 keping kertas dengan tulisan "**Kain dipenuhi haiwan**" / "**Bangun, sembelih dan makan**" / "**Petrus mendapat penglihatan**" / "**Jangan anggap haram apa yang sudah dinyatakan halal oleh Allah**" / "**Kornelius, kapten pasukan tentera Roma**". Lipat kertas supaya tulisan tidak dapat dilihat. Tulis semua ungkapan ini di atas papan tulis. Bahagikan kelas kepada lima kumpulan. Setiap kumpulan ambil salah satu kertas secara rawak. Mereka harus lakonkan ungkapan tersebut dalam kumpulan tanpa berkata-kata untuk diteka oleh kumpulan lain menurut tulisan di papan tulis sebagai panduan. Kumpulan pertama yang menyebut jawapan dengan betul akan menang. Setiap kumpulan mengambil giliran untuk melakonkan ungkapan dari kertas pilihan mereka.

Aktiviti 1: Susun peristiwa berikut mengikut susunan untuk menceritakan kisah dengan tepat.


Susunan tepat: _ _ _ _ _

8. Petrus mentaati Allah dan mengkhutbahkan injil kepada Kornelius dan keluarganya yang berbangsa bukan Yahudi.
5. Petrus ialah orang Yahudi dan dia tidak akan makan sebahagian daripada haiwan yang dilihat dalam penglihatannya kerana ia tidak suci.
7. Tapi selepas Petrus menjelaskan yang Allah juga menyayangi orang bukan Yahudi serta memilih untuk memberikan Roh Allah kepada mereka, orang Kristian Yahudi memuliakan Allah.
3. Petrus melihat penglihatan tentang sehelai kain dengan pelbagai haiwan sewaktu berada di rumah menyamak kulit binatang milik Simon di Yope.
2. Pada mulanya orang Kristian Yahudi mengkritik Petrus.
6. Ini bermaksud injil bukan hanya untuk orang Yahudi, tapi termasuklah orang bukan Yahudi.
4. Petrus kembali ke Yerusalem untuk menceritakan apa yang dia pelajari kepada orang Kristian Yahudi yang lain.
1. Allah memberitahu Petrus untuk tidak menggelar benda yang Dia telah halalkan sebagai haram.

Aktiviti 2:

Cipta penggantung pintu dengan ayat Alkitab hari ini. Gantungkan ia pada bilik tidur untuk mengingatkan anda tentang kuasa Injil. Bahan-bahan: Kertas atau kad keras, gunting, gelas untuk menangkap bulatan, pembaris, pen penanda, pensel warna, serbuk berkilau/pelekat untuk hiasan.

Berikut ialah sebuah contoh.



Penerapan:

Boleh tak anda fikirkan seseorang yang tidak disukai atau tidak serasi?

Yesus juga amat menyayangi sehingga mati untuk mereka!

Fikir tentang orang yang awak tidak sukai kemudian lafazkan doa ini.

“Tuhan Yesus, saya berterima kasih untuk Injil penuh kuasa dan membawa keselamatan untuk semua orang yang percaya kepada Engkau. Bantu saya menyayangi orang lain seperti Engkau menyayangi saya supaya dapat berkongsi Berita Baik tentang Yesus kepada mereka. Amen”

Doa:

Sekarang lafazkan doa di atas kepada seorang kawan. Kemudian setiap kali anda melihat orang yang tidak disukai, ingatlah untuk berterima kasih dan berdoa seperti ini di dalam hati.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 11: Barnabas si Pendorong dan Gereja Antiokhia

Tema:

Allah menggunakan umat yang baik dan setia serta dikuatkan oleh Roh Allah untuk membina gereja-Nya.

Tujuan Pembelajaran:

Untuk mempelajari apakah maksudnya menjadi murid Yesus yang baik dan setia.

Petikan Alkitab:

Kisah Rasul-Rasul 11:19-30

Ayah Hafalan:

Barnabas seorang yang baik, dikuasai oleh Roh Allah dan sangat percaya kepada Tuhan, dan banyak orang mengikut Tuhan. Kisah Rasul-Rasul 11:24



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Gereja di Antiokhia berkembang pantas. Barnabas, lelaki yang dipenuhi Roh Allah dan iman, dihantar untuk membantu gereja. Dengan pimpinan Roh Allah, Barnabas mendorong Saulus (Paulus) untuk bekerja dengannya. Bersama-sama, mereka berdua membina gereja Antiokhia.

Persediaan: Ingat Barnabas?

Sebut perkara yang anda ingati tentang Barnabas dari Pelajaran 8 kepada guru anda dengan pantas.

Aktiviti 1: Lengkapi ayat-ayat berikut.

1. Injil tersebar kerana pen _____.
2. Orang yang mempercayai Yesus pertama sekali dipanggil sebagai 'Kristian' di An_____.
3. Gereja Yerusalem menghantar Ba_____ ke Antiokhia untuk mendorong gereja muda di sana.
4. Barnabas pergi ke Tarsus untuk mencari S_____ dan membawanya ke Antiokhia.
5. Barnabas dan Saulus tinggal di Antiokhia dan mengajar orang di sana selama _____ ta_____.
6. Roh Allah mengurniakan kuasa kepada seorang nabi yang bernama A_____ untuk meramalkan kebuluran akan berlaku di Yudea serta membawa kepada kekurangan m_____.

Aktiviti 2: Kebuluran!

- Apakah keperluan asas dalam hidup manusia?

- Apa anda akan lakukan jika terdengar orang lain menderita dan tidak mempunyai benda-benda ini?

- Apa orang Kristian lakukan apabila mendengar tentang kebuluran di Yudea?

- Kenal pasti segelintir orang kurang bernasib baik yang boleh kita bantu:

Bincangkan cara gereja anda membantu orang dalam kesusahan. Guru-guru boleh mengambil peluang ini untuk memberitahu beberapa khidmat masyarakat yang gereja sedang lakukan. Sediakan gambar atau slideshow untuk ditunjukkan kepada kanak-kanak.

Aktiviti Penerapan: Jadilah pembina!

Jadilah seperti Barnabas dan doronglah orang lain. Apabila anda melakukan hal ini, anda sedang membantu mendirikan gereja, rumah ataupun kelas sendiri.

Bawa kotak kosong untuk kelas hari ini kemudian lekatkan dengan kertas berwarna tentang cara mendorong orang. Pertama sekali, tulis cara-cara yang anda fikirkan ke atas kertas yang guru akan berikan. Selepas itu, potong mengikut bentuk. Bahan-bahan yang diperlukan: kertas berwarna, pen atau penanda (yang boleh digunakan untuk menulis di atas kertas berwarna), gunting dan gam.

Rujuk jadual berikut untuk cara-cara mendorong orang. Bolehkah anda memikirkan cara yang lain?

Di rumah	Berkongsi alat mainan dengan adik-beradik.	Membaca Alkitab dan berdoa dengan keluarga.
Di sekolah	Memberikan perhatian di kelas.	Berkawan dengan rakan-rakan baru.
Di taman permainan	Mengambil giliran untuk bermain di ayunan/papan gelongsor jika ada kanak-kanak lain yang ingin bermain.	Menjaga adik-beradik yang lebih kecil.
Di gereja	Mengikuti projek untuk membantu orang yang memerlukan.	Membantu guru sekolah minggu membersihkan kelas selepas dipakai.

Sewaktu melekatkan kertas ke atas kotak, bekerjasalah dengan rakan untuk “membina” bangunan daripada kotak dengan menimbunkannya- anda boleh membina piramid, menara atau sebarang reka bentuk bangunan lain!

Doa:

Ya Tuhan, bantu saya mengingati orang lain yang memerlukan. Mungkin mereka miskin dan memerlukan makanan serta pakaian. Atau mereka hanya keseorangan dan memerlukan kawan. Bantu saya menjadi seperti Barnabas, untuk mendorong dan membantu orang lain. Dalam nama Yesus, Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 12: Penindasan di Yerusalem dan Cubaan Petrus Melarikan Diri

Tema:

Jangan tawar hati apabila perkara buruk terjadi. Kita harus berdoa kepada Allah dan percaya yang Dia akan membantu.

Tujuan Pembelajaran:

Untuk mempercayai Allah sewaktu berdepan masalah dan kesukaran.

Petikan Alkitab:

Kisah Rasul-Rasul 12:1-25

Ayah Hafalan:

Aku berdoa kepada TUHAN dan Dia mengabulkan doa ku, Dia membebaskan aku daripada segala ketakutan. Mazmur 34:4



Belajar

Pengajaran Cerita ini:

Herodes cuba menyenangkan hati orang Yahudi dengan menindas gereja. Dia memenjarakan Petrus, tetapi umat Kristian tidak tawar hati. Mereka berdoa dengan tekun dan Allah menyelamatkan Petrus secara ajaib.

Aktiviti 1: Rancang sebuah filem tentang pembebasan Petrus yang ajaib dari penjara.

Bayangkan anda ialah penerbit filem dan sedang merakamkan filem tentang peristiwa dalam petikan Alkitab hari ini. Rancang kisahnya.

Babak 1 - Pembebasan

Berapa banyak titik semak atau halangan untuk Petrus lalui jika dia melepaskan diri sendiri?

1. Tidur di antara _____
2. Diikat dengan _____
3. Lebih banyak sentri di _____
4. Sebuah _____ besi.



Babak 2 - Bersatu semula dengan umat Allah

Anda ialah penulis skrip. Susun huruf kata kunci berikut untuk membantu anda menulis babak seterusnya.

1. Petrus mendapati dirinya keseorangan di (aljna)_____. Dia fikir dirinya sedang (embiprmi)_____.
2. Apabila Petrus menyedari dia telah (danbsbaiek)→ _____ secara ajaib, dia pergi ke rumah Maria kerana tahu umat Allah akan berkumpul di sana untuk (broaed)_____.
3. Apabila Rode iaitu hamba perempuan rumah melihat Petrus, dia amat gembira dan (eatplru)_____ membuka pintu.
4. Mereka yang lain tidak mempercayai dia pada mulanya, tapi Petrus terus (mentkeug)_____ pintu.
5. Akhirnya mereka (embamuk)_____ pintu dan membenarkan Petrus masuk. Petrus menceritakan pembebasannya yang menakjubkan dan berterima kasih kepada Allah.

Perbincangan: Herodes yang angkuh

Baca Kisah Rasul-Rasul 12:19-23. Herodes ialah raja yang berkuasa dan orang ramai bergantung kepadanya untuk makanan.

1. Apakah yang orang ramai katakan tentang Herodes? _____
2. Mengapakah Herodes mati? _____
3. Pada pendapat anda, mengapa Allah ialah satu-satunya yang layak dimuliakan dan dipuji?

Penerapan:

Bandingkan Petrus dan Raja Herodes. Apakah perbezaan mereka?

	Petrus	Herodes
Latar Belakang	Nelayan, tidak terpelajar	Raja, kaya, ketua
Situasi semasa	Tiada harapan, terperangkap, dipenjarakan	
Sikap		Megah, angkuh, tidak mempercayai Allah
Apa yang Allah lakukan kepadanya.		

Doa:

Ya Tuhan, Engkau ialah Allah yang berkuasa dan hanya Engkau yang mampu menyelamatkan seperti pembebasan ajaib Petrus dari penjara. Saya tidak perlu takut apabila perkara buruk terjadi, tapi saya boleh percaya kepada Engkau untuk melindungi dan menyelamatkan saya. Bantu saya memuliakan Engkau. Dalam nama Yesus, Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Pelajaran 13: Epilog kepada Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Tujuan Pembelajaran:

1. Untuk mempercayai Yesus untuk keselamatan dan meminta-Nya menjadi Tuhan saya.
2. Berdoa untuk bantuan mengongsi Berita Baik Yesus kepada rakan-rakan saya.

Ayah Hafalan:

Tetapi kamu akan menerima kuasa, apabila Roh Allah datang kepada kamu. Lalu kamu akan menjadi saksi-saksi-Ku di Yerusalem, di seluruh Yudea, dan Samaria, serta sampai ke hujung bumi. Kisah Rasul-Rasul 1:8



Belajar

Pelajaran daripada kisah ini:

1. Keselamatan diberikan melalui iman kepada Tuhan Yesus. Tiada cara lain kepada Allah kecuali melalui iman di dalam Yesus.
2. Para rasul diberikan tugas untuk menyebarkan Berita Baik. Mereka mengambil serius misi ini meskipun sewaktu berdepan penindasan.
3. Para rasul menerima panduan daripada Firman Allah dan mematuhi arahan Roh Allah. Ini membolehkan mereka mengongsi Berita Baik dan kasih Allah dengan efektif.

Aktiviti 1: Gunakan kod berikut untuk melengkapkan kriptogram tentang pesanan utama di dalam bahagian pertama buku Kisah Rasul-Rasul. Adalah lebih baik untuk mengisi nombor lain di dalam kod di bawah.

A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z
1				5	6				10				14				19					23			

1. Roh Allah dihantar kepada para rasul untuk 13. 5. 14. 7. 21. 1.20. 11. 1. 14 _____ mereka mengongsi Injil.
2. Banyak 11. 5. 1. 10. 1. 9. 2. 1. 14. _____ berlaku, seperti membangkitkan orang 13. 1. 20. 9 _____ dan menyembuhkan orang cacat.
3. 19. 20. 5. 6. 1. 14. 21. 19. _____ ialah umat pertama yang mati kerana imannya.
4. Saulus bertemu dengan Yesus sewaktu dalam perjalanan ke 4. 1. 13. 19. 25. 9. 11. _____. Tidak lama kemudian, namanya ditukar kepada 16. 1. 21. 12. 21. 19 _____.

5. Para rasul mengkhutbahkan injil kepada orang Yahudi dan 2. 21. 11. 1. 14. _____
Yahudi.
6. Keselamatan datang melalui 13. 5. 13. 16. 5. 18. 3. 1. 25. 1. 9. _____ Yesus.
7. Barnabas ialah seorang 16. 5. 14. 4. 15. 18. 15. 14. 7. _____.

Aktiviti 2: Kumpulan perkataan

Ambil perkataan daripada kotak pertama dan letak ke dalam kotak kedua di bawah idea utamanya.

menguatkan percaya iman bukan Yahudi bangkit dari kematian penindasan
Yesus penyembuhan mengkhutbahkan lidah api pimpinan tersebar

Roh Allah	Keselamatan	Injil	Keajaiban

Aktiviti 3: Mencipta panji-panji “Kisah Rasul-Rasul”

Buat panji-panji, mengikut gambar di bawah berdasarkan benda yang anda pelajari daripada Kisah Rasul-Rasul. Tulis satu idea pada setiap kepingan kertas berwarna dan perkataan berkaitan yang anda sukai daripada aktiviti di atas. Lukis gambar mengikut perkataan ini (cth., lukis api untuk ‘lidah api’, atau palang penjara untuk ‘penindasan’).

Bahan-bahan: Tali pintal/ rafia, kertas berwarna yang digunting kepada bentuk berbeza, pin dawai/ kelip kain, pen warna atau pen tulis.

Arahan:

1. Setiap pelajar mendapat tiga keping kertas daripada guru.
2. Tulis idea/perkataan dan lukis gambar ke atas kertas. Satu kertas untuk satu idea.
3. Kelip kertas kepada tali.
4. Gantung panji-panji di kelas!

Doa: Adakah anda sudah menjadikan Yesus Kristus sebagai Tuhan dan Penyelamat hidup anda?

Jika belum, mintalah guru untuk berdoa bersama anda. Ingat, setelah anda mempercayai Yesus, anda telah menjadi anak Allah dan tidak harus takut lagi. Allah akan memberikan Roh Allah untuk menjadi Penasihat dan Pemimpin anda.



Doa:

Ya Tuhan, saya berterima kasih untuk pemberian Roh Allah-Mu yang memimpin dan sentiasa bersama saya. Berikan saya keberanian untuk mengongsi kasih-Mu dan juga Injil kepada orang di sekitar saya. Saya mengasihi Engkau. Dalam nama Yesus, Amen.

Kisah Rasul-Rasul Jilid 1

Nota

SAMPLE